



MS>10

PELANCARAN KEMPEN KITAR SEMULA (3R)



Menarik di dalam



05

Majlis Menandatangani
Nota Serah Tugas
Yang Dipertua, Majlis
Daerah Tangkak



15

Majlis Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang
(Apc) Dan Anugerah
Prestasi Baik Tahun 2022



22

Rogam Berbasikal
Bersama Komuniti &
Bengkel Kemahiran
Belia Tangkak



ISI KANDUNGAN

4	PROFIL YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TANGKAK
6	MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM KERJASAMA BAGI PROJEK RINTIS PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN JALAN DAN ALAMAT DI DAERAH TANGKAK SECARA PROOF OF CONCEPT
7	PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA
9	TASKFORCE BANTUAN BANJIR
10-11	PELANCARAN KEMPEN KITAR SEMULA 3R
13	PENGIKTIRAFAN ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2022
15	MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN ANUGERAH PRESTASI BAIK TAHUN 2022
17	PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0 PIALA YB MENTERI KPKT
18	PROGRAM BUBUR LAMBUK
20	MAJLIS SERAHAN TUGAS
21	GOTONG ROYONG MAJLIS DAERAH TANGKAK
23	PERTANDINGAN PERSAHABATAN SUKAN BOLING ANTARA MAJLIS DAERAH TANGKAK DAN SAFWA GLOBAL



NO. SAMBUNGAN TELEFON MDT

NO. TEL : 06-978 1261 / 2226 / 1336 / 1360

JABATAN KEWANGAN 501
JABATAN KEJURUTERAAN 503
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN 110
JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN 301
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA 201
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN LANDSKAP 251
UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT 107
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) 112

NO. TEL : 06-978 8112

JABATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN AWAM

NO. TEL : 06-978 8116

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
UNIT UNDANG-UNDANG
UNIT AUDIT DALAM

NO. TEL : 06-978 7662

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

SIDANG REDAKSI BULETIN MDT

ENCIK ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED@ISMAIL

Setiausaha Majlis Daerah Tangkak

PENASIHAT

PENAUNG

YM UNGKU MOHD ZAFRIN BIN UNGKU MOHD ZAMAN

Yang Dipertua, Majlis Daerah Tangkak

KETUA EDITOR

CIK SITI HAWA BINTI MD ZIN

SIDANG PENGARANG

**PUAN NORFARAHANA BINTI ABD HAMID
PUAN SITI NAZIRAH BINTI KAMARULZAMAN**

REKAAN GRAFIK

UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT

FOTOGRAFI

**PUAN MUHAINI BINTI MUHAMMAD MURIT
ENCIK ASSRUL BIN ZANURY**

KORESPONDAN

**JABATAN KEWANGAN
JABATAN KEJURUTERAAN
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
JABATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN AWAM
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN LANDSKAP
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)
UNIT UNDANG-UNDANG
UNIT AUDIT DALAM**

Pihak kami mengalu-alukan sebarang pandangan atau maklumbalas terhadap perkhidmatan yang disediakan Majlis Daerah Tangkak. Hubungi kami di talian 06-9781261 atau hantar e-mel ke mdtgk@johor.gov.my

Diterbitkan oleh

UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT

**Setinggi-Tinggi
Ucapan**

Tahniah

**YM UNGKU MOHD ZAFFRIN BIN
UNGKU MOHD ZAMAN
atas perlantikan sebagai**

YANG DIPERTUA

**MAJLIS DAERAH
TANGKAK**



PROFIL YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TANGKAK



PROFIL

NAMA : YM UNGKU MOHD ZAFFRIN BIN UNGKU MOHD ZAMAN
TARIKH LAHIR : 15 OGOS 1978
ISTERI : CHE' PUAN HARIATI BINTI MUHAMMAD SHARIFF



PENDIDIKAN

- MSC PEMBANGUNAN TANAH (UTM),
- BBA PERBANKAN ISLAM (UITM),
- DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN (UITM)



JAWATAN YANG DISANDANG

(2005-2013)
PENOLONG PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR
(2013-2016)
PENOLONG PENTADBIR TANAH 1 PEJABAT TANAH BATU PAHAT
(2016-2019)
SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN MUAR
(2019-2023)
KETUA PENOLONG PEGAWAI DAERAH JOHOR BAHRU
(2023-KINI)
YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TANGKAK

MAJLIS MENANDATANGANI NOTA SERAH TUGAS YANG DIPERTUA, MAJLIS DAERAH TANGKAK



23 Februari 2023

Satu Majlis Menandatangani Nota Serah Tugas Yang Dipertua, Majlis Daerah Tangkak telah diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Tangkak. Terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan majlis ini dan mewakili pihak pengurusan MDT dan Ahli Majlis, kami merakamkan jutaan terima kasih kepada Encik Ezlan Farid bin Mohd Said selama pentadbiran beliau di Majlis Daerah Tangkak. Kami berharap di bawah kepimpinan baru, Yang Mulia Ungku Mohd Zaffrin bin Ungku Mohd Zaman, MDT akan lebih cemerlang.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM KERJASAMA BAGI PROJEK RINTIS PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN JALAN DAN ALAMAT DI DAERAH TANGKAK SECARA PROOF OF CONCEPT



19 Mei 2023

Majlis menandatangani memorandum kerjasama di antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) sebagai satu pihak dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Majlis Daerah Tangkak (MDT), Syarikat ESRI Malaysia Sdn Bhd, Syarikat HERE Global B.V. dan Syarikat Smartcity Sdn Bhd di satu pihak-pihak yang lain berkaitan Projek Rintis Pembangunan Perkhidmatan Jalan dan Alamat di Daerah Tangkak Secara Proof of Concept (POC) telah diadakan di Bilik Persidangan Wisma JUPEM.

Untuk makluman, projek rintis ini dibangunkan sebagai langkah permulaan bagi mewujudkan Sistem Alamat Nasional bagi menyelaraskan maklumat alamat di dalam satu pangkalan data yang bersepadu, selari dengan inspirasi yang dicetuskan oleh yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Konsep Malaysia Madani iaitu kesediaan menerima perubahan ke arah inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya maju. Pendekatan yang akan dijalankan antaranya adalah projek rintis ini dilaksanakan secara kolaborasi di peringkat kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi swasta bagi menyahut saranan kerajaan bagi mempercepatkan proses pendigitalan dan pengupayaan bermula dengan perkongsian data diantara agensi kerajaan. Semoga projek ini berjaya dilaksanakan.



MAJLIS DAERAH TANGKAK [MDT]



PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA

09 Ogos 2022

Majlis Daerah Tangkak telah didatangi panel Penilaian Audit Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan seramai 6 orang yang diketuai oleh Encik Marthandan A/L Yathamaniyam, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan.

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan merupakan sistem yang menilai tahap penyampaian perkhidmatan PBT di seluruh negara menerusi kaedah penggredan yang seragam. Ia bertujuan meletakkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai mengikut ranking untuk meningkatkan kapasiti daya saing setiap PBT dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti pada peringkat tempatan.



Tahniah kepada semua Pegawai dan kakitangan Majlis Daerah Tangkak di atas pencapaian 5 bintang dalam Penilaian Audit Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk makluman, kita memperolehi 95.51%, menjadikan kita Pihak Berkuasa Tempatan menduduki tangga ke-3 bagi kategori PBT bertaraf Daerah dan yang ke 34 daripada 155 PBT yang dinilai.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

SIJIL PENGIKTIRAFAN

Dengan ini disahkan bahawa

MAJLIS DAERAH TANGKAK

dianugerahkan penarafan



SISTEM PENARAFAN BINTANG
PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(SPB-PBT) TAHUN 2022

YB Nga Kor Ming

YB NGA KOR MING
Menteri
Pembangunan Kerajaan Tempatan



PROGRAM JOM DERMA DARAH

2 Februari 2023

Kempen Derma Darah Peringkat Majlis Daerah Tangkak telah diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Tangkak bertujuan meningkatkan atau menstabilkan stok bekalan darah di Pusat Darah Negara dan tabung darah di seluruh Negara.

Tahniah dan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan MDT seramai 45 orang yang telah mengambil bahagian menderma darah dan terima kasih juga kepada penganjur bersama iaitu Hospital Sultanah Fatimah, Muar.

“


JOM Derma Darah
"Derma Darah,
Selamatkan Nyawa"

Tarikh : 02 FEBRUARI 2023/ KHAMIS
Masa : 9.30am - 1.00pm
Tempat : DEWAN JUBLI INTAN SULTAN IBRAHIM TANGKAK
ANJURAN : MAJLIS DAERAH TANGKAK

 Tabung Darah Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar-Rasmi

”



KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI BANJIR

Pada sepanjang hari cuti tahun baru ini, Negara dilanda hujan berterusan dan keadaan ini telah menyebabkan beberapa Daerah dalam Negeri Johor dilanda banjir. Begitu juga di Daerah Tangkak, dimana semua agensi dalam keadaan berjaga-jaga dan mengambil langkah bersiap siaga. Selain Pejabat Daerah menjadi jabatan utama dalam menghadapi musibah banjir, Pihak Majlis Daerah Tangkak telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan keperluan logistik kepada beberapa Pusat Penempatan Sementara (PPS)

terutama sekali kepada mengsa-mangsa banjir. Dan untuk makluman, pihak MDT juga telah menubuhkan Skuad Tindakan Pantas bagi menyalurkan maklumat awal berkenaan situasi banjir kepada pasukan keselamatan. Dengan adanya penubuhan Skuad ini diaharap ianya dapat melancarkan tugas-tugas di kawasan yang dilanda banjir dalam Daerah Tangkak.



PASCA BANJIR DAERAH TANGKAK 2023

2 - 17 MAC 2023

Majlis Daerah Tangkak (MDT) terus mempergiatkan kerja-kerja pembersihan pasca banjir di sekitar daerah Tangkak dengan menggerakkan jentera dan logistik di beberapa lokasi yang dilanda banjir. Pihak MDT merakamkan penghargaan kepada Pejabat Tanah Daerah Tangkak, ILP Tangkak dan Individu yang telah memberikan sumbangan untuk diagihkan kepada mangsa banjir. Jutaan terima kasih juga diberikan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan pasca banjir.



TASKFORCE BANTUAN BANJIR

Majlis Daerah Tangkak (MDT) juga ada menjalankan taskforce bantuan banjir dimana MDT akan menilai kerosakan rumah-rumah khususnya di kawasan bercukai yang terlibat banjir bagi tujuan baikpulih dan mengenalpasti Ketua Isi Rumah (KIR) sebelum ianya diserahkan kepada Pejabat Daerah Tangkak untuk memberikan sumbangan one-off barangan keperluan asas





PELANCARAN KEMPEN KITAR SEMULA (3R)



13 April 2023

YM Ungku Mohd Zaffrin Bin Ungku Mohd Zaman telah merasmikan Pelancaran Kempen Kitar Semula (3R) bertempat di Tapak Kitar Semula (3R), Majlis Daerah Tangkak yang dianjurkan oleh Jabatan Perbandaran Dan Kesihatan Majlis Daerah Tangkak.

Sebanyak 102.2 kg barang kitar semula dapat dikumpulkan (iaitu kertas, plastik, aluminium, besi dan getah) menerusi kakitangan Majlis Daerah Tangkak. Program ini akan diteruskan setiap bulan bagi memupuk dan memberi kesedaran kepada warga MDT tentang betapa pentingnya menjaga alam sekitar.

Objektif utama kempen kesedaran 3R ini diadakan adalah untuk memupuk minda warga kerja MDT dengan memberi kesedaran tentang pentingnya kitar semula, mengawal dan mengurangkan pencemaran, menanam rasa tanggungjawab serta memupuk semangat cintakan alam semulajadi. Adalah menjadi harapan, kempen 3R ini dapat dihayati oleh penduduk Tangkak bagi melestarikan alam sekitar.



MAJLIS PENYAMPAIAN GERAN PROGRAM PLOGGING DAN JALAN ANGKAT JOHOR BERSIH 2023



PENGIKTIRAFAN ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2022



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Inisiatif Bandar Rendah Karbon telah meluluskan projek yang disertai Majlis Daerah Tangkak dalam Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 (LCC 2030 Challenge). Penyampaian sijil telah diadakan di Mardhiyyah Hotel & Suites, Shah Alam, Selangor pada 20 Februari 2023. Tahniah diucapkan terutama sekali kepada Jabatan Perancangan Bandar Dan Landskap yang telah berusaha ke arah kelestarian persekitaran. Dengan hasil usaha mereka, kini bandar Tangkak telah diiktiraf sebagai Bandar Rendah Karbon.

Pengiktirafan Diamond Kategori Rakan Kongsi

1. Nama Rakan Kongsi : Pejabat Besar, Majlis Daerah Tangkak
No Pendaftaran LCC : LCC-P-J010-14-0001
Organisasi Penerima : Majlis Daerah Tangkak



Project Name: Pejabat Besar, Majlis Daerah Tangkak
LCC Serial No.: LCC-P-J010-14-0001

Element	Total Carbon Emissions		Reduction Achieved		Diamond Level
	2016 (B) tCO ₂ /yr	2021 (A) tCO ₂ /yr	(B-A) tCO ₂ /yr	%	
Energy	105.99	62.66	43.33	40.87	4D
Water	2.86	0.57	2.29	80.04	5D
Waste	-	-	-	-	-
Mobility	-	-	-	-	-
Total Emissions	108.84	63.23	45.62	41.90	4 Diamond
Element	Total Carbon Sequestrations		Sequestration Increased		Diamond Level
	2016 (B) tCO ₂ /yr	2021 (A) tCO ₂ /yr	(A-B) tCO ₂ /yr	%	
Greenery & Water Bodies	-	-	-	-	-
Total Sequestration	-	-	-	-	-



This is to verify that
MAJLIS DAERAH TANGKAK
for the
PEJABAT BESAR, MAJLIS DAERAH TANGKAK
Low Carbon Partner

located in Tangkak has successfully reduced its GHG emissions by **41.90 %** since **2019** across **2 elements** which is equivalent to **45.62 tCO₂eq.**

ELEMENT	REDUCTION ACHIEVED	DIAMOND LEVEL
ENERGY	40.87%	4D
WATER	80.04%	5D
WASTE	-	-
MOBILITY	-	-
ELEMENT	SEQUESTRATION	DIAMOND LEVEL
GREENERY	-	-

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI MAJLIS DAERAH TANGKAK



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN ANUGERAH PRESTASI BAIK TAHUN 2022

18 MEI 2023

Tahniah diucapkan kepada staf Majlis Daerah Tangkak yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Prestasi Baik. Semoga dengan anugerah ini, ianya menjadi pembakar semangat serta menjadi penggerak transformasi dan peneraju perubahan positif dalam membudayakan kecemerlangan.



ANUGERAH PRESTASI BAIK



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



PEMBENTANGAN SESI PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA INOVASI MALA 2.0: PIALA YB MENTERI KPKT



THE WHOLE SUMMARY				
PRODUCT	THE IMPORTANCE OF THE PROJECT	IMPACT	PATTERN	UNIFORMATION
	REDUCING PHYSIOLOGICAL PROBLEMS SAVE ORGANIZATIONAL WASTE OF MONEY OPTIMIZING HUMAN RESOURCES TO DO OTHER WORK	CAN REDUCE THE NUMBER OF EMPLOYEE INJURY COMPLAINTS FROM 32 CASES TO NO CASE 1. TOTAL MEDICAL SAVINGS: 254.90 USD A YEAR 2. SAVE A LOT OF SPRAY TIME: 2,826.99 USD A YEAR SAVING HUMAN RESOURCES FROM 3 PERSON TO ONE PERSON SAVE 11,326.00 USD TOTAL SAVINGS IS 14,027.89 USD	REGISTER COPYRIGHT 1 OCTOBER 2019 (MYIPO) STAGE OF DISCUSSION WITH SHANUS WELDING COMPANY FOR INNOVATION DEVELOPMENT	UNIFORMATION FOR 12 PROCEDURES DISCUSSION WITH JOHOR STATE GOVERNMENT FOR PRODUCT UNIFORMATION FOR ALL JOHOR LOCAL AUTHORITIES
				

Pada 17 Januari 2023, telah berlangsungnya Pertandingan Inovasi Mala 2.0 Piala YB Menteri KPKT 2022 - 2023 di Dewan Perdana Keramat Mall, Kuala Lumpur. Tuan Haji Sidek Arasu Bin Abdullah Ketua Jabatan Perbandaran & Kesihatan Awam bersama ahli kumpulannya telah melayakkan Majlis Daerah Tangkak menyertai pertandingan peringkat akhir yang akan berlangsung pada

8-9 Februari 2023 di Dewan Kristal KPKT Putrajaya. Penyertaan sebanyak 92 projek inovasi dipersembahkan hanya 30 projek inovasi dipilih untuk ke peringkat seterusnya.



LIVE @ 210

KATEGORI MAJLIS DAERAH

Seri Penganjur

PESERTA KE SESI PENILAIAN PERINGKAT AKHIR

PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0 : PIALA YB MENTERI KPKT

SENARAI PENILAIAN PERINGKAT AKHIR

 MAJLIS DAERAH TANJONG MALIN
MU-COH CUTTER

 MAJLIS DAERAH DABONG
DEGAK DABONG

 MAJLIS DAERAH TANGKAK
SPEEDO SPRAYER-PENYELESAIAN RAGI
"TEKNIK SEMBURAN RACUN YANG TIDAK ERCONOMIK"

 MAJLIS DAERAH MERISING
MERISING TOURISM OPERATION SYSTEM (METOS)

 MAJLIS DAERAH KERIAN
MULTI KAUNTER







Majlis Penyampaian Anugerah

PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0 PIALA YB MENTERI KPKT



Tahniah diucapkan kepada Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK) bawah bimbingan Tuan Haji Sidek Arasu Bin Abdullah kerana telah berjaya membawa pulang trofi, sijil, wang tunai RM 500 dan geran KPKT berjumlah 20 ribu ringgit. Dengan membawa projek "Semburan Racun Yang Tidak Ergonomik", pihak Majlis Daerah Tangkak telah berjaya membawa nama dan seterusnya mendapat tempat ke-29 daripada 30 kumpulan KIK yang dapat masuk peringkat akhir pertandingan yang mana pada peringkat pertama, MDT berentap dengan 90 kumpulan PBT dari seluruh Malaysia. Pertandingan peringkat akhir telahpun berlangsung pada bulan Februari lalu di Dewan Perdana Keramat Mall.



PROGRAM BUBUR LAMBUK

Program Bubur Lambuk telah diadakan di Perkarangan Tempat Letak Kereta Majlis Daerah Tangkak. Program telah berlangsung seawal 08.00 Pagi. Yang Dipertua Yang Mulia Ungku Mohd Zaffrin Bin Ungku Mohd Zaman turut bersama-sama memeriahkan suasana program bubur lambuk.

Sebanyak 3 periuk bubur lambuk telah dimasak untuk diagihkan kepada kakitangan Majlis Daerah Tangkak serta diedarkan kepada orang ramai.



PROGRAM KHATAM AL-QURAN



12 April 2023

Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Daerah Tangkak telah mengadakan program Khatam Al-Quran Peringkat MDT bertempat di Surau As-Syakirin, Taman Sialang, Tangkak.



Pada hari yang sama juga, terdapat Majlis Tadarus Dan Khatam Al-Quran Serta Berbuka Puasa Bersama Penjawat Awam Dan Agensi Negeri Johor di Kediaman Rasmi YAB Datuk Onn Hafiz Bin Ghazi, Menteri Besar Johor.



PENGANJURAN BAZAR RAMADHAN DI DAERAH TANGKAK

Pada 16 Mac 2023 bertempat di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Tangkak telah diadakan undian tapak bazar untuk peniaga-peniaga berniaga sempena Bulan Ramadhan. Terdapat 7 bazar Ramadan telah di buka di daerah Tangkak iaitu:

- **Di bawah kelolaan Kelab Sukan Dan Kebajikan Majlis Daerah Tangkak**

1. Jalan Perdagangan 1, Pusat Perdagangan Bukit Gambir, Tangkak (76 petak)
2. Taman Serom Utama, Serom, Tangkak (35 petak) -
3. Tapak Pasar Malam Serom 3, Serom, Tangkak (57 petak)
4. Jalan Naib Long, Tangkak (25 petak)

- **Di bawah kelolaan Persatuan Peniaga-Peniaga Daerah Tangkak**

1. Dataran Parit Haji Othman, Tg. Agas, Tangkak (116 petak)

- **Di bawah kelolaan Persatuan Peniaga Kecil Melayu Parit Jarum**

1. Pusat Perniagaan Parit Jarum, Bukit Gambir, Tangkak (20 petak)

- **Di bawah seliaan FAMA Daerah Tangkak**

1. Perkarangan Pasar Tani Kekal (FAMA) Bukit Gambir, Tangkak (21 petak)



MAJLIS SERAHAN TUGAS

Tahniah diucapkan kepada En Fadzil Bin Haji Rasiman Ketua Jabatan, Jabatan Kejuruteraan kerana telah dipanggil untuk menjejakkan kaki di muka bumi Makkah Al Mukarramah bagi menunaikan ibadah Haji pada bulan Jun 2023. Sehubungan itu, majlis serahan tugas telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pekaka Emas. Mulai 01 Jun 2023 sehingga 31 Julai 2023 tugas beliau akan ditanggung oleh En. Zulkifli Bin Sabree Ketua Jabatan, Jabatan Perancang Bandar Dan Landskap. Semoga En Fazil Bin Haji Rasiman mendapat haji yang mabrur.



PROGRAM GOTONG-ROYONG MAJLIS DAERAH TANGKAK



**PROGRAM GOTONG-ROYONG DAN
PEMBERSIHAN GERAI TAMAN SEROM UTAMA**

**PROGRAM GOTONG-ROYONG DAN
PEMBERSIHAN GERAI BUMIPUTERA
KM1, TANJUNG AGAS, TANGKAK**



**PROGRAM TANGKAK
BERSIH@RIVERA**



**PROGRAM GOTONG-
ROYONG DAN 'TOWNHALL'
BERSAMA KOMUNITI
DAERAH TANGKAK**



PROGRAM BERBASIKAL BERSAMA KOMUNITI & BENGKEL KEMAHIRAN BELIA TANGKAK



18 Jun 2023

Bertempat di Kolej Komuniti Ledang. Program Berbasikal Bersama Komuniti Dan Bengkel Kemahiran Belia Tangkak telah berjalan dengan lancar yang mana pada jam 8.00 pagi telah diadakan program berbasikal sejauh 10KM, melibatkan peserta hampir 100 orang. Selepas itu, para jemputan dan peserta kursus sama-sama menyertai JRobik, mendengar taklimat daripada Pejabat Kesihatan Daerah dan dari Kolej Komuniti, seterusnya peserta kursus menamatkan kursus pada jam 4.00 petang.



PERTANDINGAN PERSAHABATAN SUKAN BOLING ANTARA MAJLIS DAERAH TANGKAK DAN SAFWA GLOBAL


Pada , telah berlansungnya pertandingan sukan bowling persahabatan antara Majlis Daerah Tangkak dan Safwa Global di Melaka International Bowling Centre dengan penyertaan seramai 35 orang kakitangan dari pihak Majlis Daerah Tangkak. Pertandingan ini diadakan bagi mengeratkan lagi jalinan silaturrahim diantara kedua-dua belah pihak. Selain itu juga, ianya bertujuan bagi memupuk dan menyemai semangat kesukanan serta mendidik kakitangan untuk mengamalkan gaya hidup sihat.





Selamat Menyambut Hari Raya

Aidiladha²⁰²³



- Pembayar Cukai perlu *whatsapp* ke 011-59075920 dan berikan No. Akaun Cukai tahun 2022 untuk semakan jumlah pembayaran terkini.
- Urusetia akan memaklumkan melalui *whatsapp* amaun yang perlu dibayar
- Pembayar Cukai boleh membuat pembayaran melalui JomPAY MD TANGKAK



BILLER CODE : 3004
REF 1 : No. Akaun Cukai
REF 2 : No. Bil

- Bukti pembayaran perlu dihantar melalui *whatsapp* dan MDT akan membuat semakan pembayaran
- Selepas semakan bayaran telah disahkan, pihak MDT akan mencetak Bil. Cukai Taksiran
- Pembayar Cukai akan dihubungi untuk dimaklumkan mengenai status pembayaran cukai.
- Pembayar Cukai boleh mengambil bil yang telah siap di Pejabat Majlis Daerah Tangkak, Cawangan Kesang dan Bukit Gambir dengan hanya menandatangani buku daftar yang disediakan
- Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta di talian 06-9781261 Ext 202 atau 011-59075920.

 Biller Code: MDT: 3004
Ref 1 : No. Akaun Cukai
Ref 2 : No. Bil

  **ekhidmat**
johor.ekhidmat.my

**SILA BAYAR CUKAI TAKSIRAN ANDA
BAGI MENGELOKKAN DARIPADA DIDENDA**
KAEDAH BAYARAN DAN KETERANGAN LANJUT BOLEH HUBUNGI:

 **011 - 59075920**
 **06 - 978 1261 / 06 - 978 2226**
 **www.mdtangkak.gov.my**



PEJABAT BESAR MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 TANGKAK,
JOHOR DARUL TAZIM

Tel : +606 9781 261 / Faks : +606 9782 670

Email : mdtgk@johor.gov.my / Portal rasmi : www.mdtangkak.gov.my